



ثجابه ستيأوسها كراجآن، ترغكانو
ويسما دار الايمان، كوالا ترغكانو

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN,
TERENGGANU**

WISMA DARUL IMAN
20503 KUALA TERENGGANU

Telefon No: K. Tr. 09-6231957
Teleks: SUKTR MA 51398
Telegram:
SECSTATE, KUALA TERENGGANU
No. Fax: Pentadbiran 09-6251990
No. Fax: Perjawatan 09-6267484

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته.

SURAT KITA : SUK.TR.180/660-(62)
BERTARIKH : 28 Safar 1424
BERSAMAAN : 30 April 2003

Semua Ketua-Ketua Jabatan Negeri, Terengganu.
Semua Ketua Jabatan Badan Berkanun Negeri.
Semua Ketua Jabatan Pihakberkuasa Tempatan Negeri.

Tuan,

**PEKELILING PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN BIL. 12 TAHUN 2003
TIADA GAJI BAGI TEMPOH TAK HADIR
BERTUGAS TANPA CUTI**

Dengan hormatnya perkara diatas adalah dirujuk. Sukacita dimaklumkan bahawa Perintah Am Bab C 14A telah menyediakan peruntukan yang memberi kuasa kepada Ketua Jabatan bagi memotong emolumen pegawai dan kakitangan yang tidak hadir bertugas tanpa cuti atau tanpa sebab yang munasabah tanpa merujuk kepada Pihak Berkuasa Tatatertib.

2. Pentadbiran ini mendapati bahawa sejak kebelakangan ini terdapat banyak kes emolumen terus dibayar kepada kakitangan yang tidak hadir bertugas dalam satu tempoh yang lama secara berterusan. Setelah kakitangan berkenaan berhenti kerja ataupun diberhentikan, tunggakan emolumen yang telah dibayar semasa ketidakhadiran kakitangan berkenaan tidak dapat dipungut kembali.

3. Sehubungan itu tuan selaku Ketua Jabatan adalah diminta untuk mengambil tindakan mengeluarkan nama pegawai dan kakitangan yang tidak hadir bertugas tanpa cuti atau tanpa sebab yang munasabah dari lembaran gaji dengan serta merta dan menguruskan gaji mereka dengan dibayar secara manual bagi hari-hari mereka hadir bertugas sahaja.

4. Sayugia diingatkan bahawa kegagalan tuan dalam memahami dan melaksanakan Perintah Am ini, boleh menyebabkan kerugian kewangan kepada kerajaan dan tindakan surcaj boleh dikenakan kepada tuan selaku Ketua Jabatan dan semua kakitangan yang terlibat dengan kecuaiannya ini.

Sekian, terima kasih.

- PERKHIDMATAN CEKAP KUALITI MENINGKAT -

" MEMBANGUN MENURUT ISLAM "

Saya yang menurut perintah,

(HAJI MOHD MUKHTAR BIN ISMAIL)
Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pentadbiran)
b.p. Setiausaha Kerajaan,
Terengganu.